

# Kulit Kayu Tekalung

Oleh

**Jonathan Singki Lintan**

*Artocarpus odorattissimus* ialah nama saintifik bagi sejenis pokok yang banyak terdapat tumbuh liar di Sarawak. Dalam bahasa Iban pokok ini dikenali sebagai **tekalung** manakala dalam bahasa Bidayuh Biatah ia dipanggil sebagai pokok **beyuh** dan dalam bahasa Lun Bawang sebagai **talun**. Pokok ini mudah tumbuh di kawasan tanah rendah dan di kawasan tanah *temuda* di seluruh negeri Sarawak. Pokok ini berdaun besar dengan tekstur yang agak kasar seperti daun pokok terap atau pokok pulur, berbatang agak lurus dan biasanya membesar sehingga lebih sepemeluk.

Kalau dipotong kulit pokok ini akan mengeluarkan getah yang pekat dan boleh digunakan sebagai gam atau pelekat. Mungkin sebab itulah pada masa dahulu getah pokok ini biasanya digunakan untuk memerangkap burung. Kayu daripada pokok ini tidak banyak digunakan dalam kehidupan harian masyarakat peribumi, sama ada untuk pembinaan rumah atau perabot kerana kayu ini agak lembut, mudah patah serta mudah reput terutama apabila terdedah kepada cuaca, namun boleh digunakan untuk membuat alat muzik tradisional seperti *engkerumung* kayu yang berupa kulingtangan dan dapat menghasilkan bunyi yang menarik.

Keistimewaan pokok ini ialah pada kulitnya. Kulit daripada pokok yang besar amat sesuai digunakan untuk dibuat dinding pondok huma atau kebun. Kulit yang telah diproses boleh digunakan untuk membuat pelbagai jenis tali yang terbukti tahan untuk mengikat pelbagai jenis barang. Tali daripada kulit kayu tekalung yang telah diproses dinamakan *temeran*. Tali daripada kulit kayu ini juga amat sesuai dan tahan digunakan sebagai tali bakul. Kebanyakan jenis bakul yang digunakan untuk membawa barang menggunakan tali ini sebagai tempat memegang atau penyangkut nya. Bakul yang dinamakan *lanjik*, misalnya, yang berisi padi atau beras seberat sekitar 70 atau 80 kilogram dapat diangkatkan menggunakan tali ini. Caranya ialah dengan mengikatkan

tali ini pada bahagian-bahagian tertentu pada lanjik, dan pembawa lanjik ini akan menyangkutkan tali tersebut di bahunya dan lanjik yang berat itu tersandang di belakangnya. Saiz tali temeran ini boleh dibentuk mengikut kehendak dan keperluan penggunanya, ia boleh juga dipintal atau dijalin supaya lebih halus dan kukuh.



Pada zaman Perang Dunia Kedua dan setelah tentera Jepun memerintah untuk beberapa tahun segala keperluan harian, makanan dan pakaian amat sukar didapati, kulit kayu ini amat berguna kepada penduduk peribumi di Sarawak. Orang tua yang melalui zaman tersebut menceritakan kepada kita bagaimana mereka memproses kulit kayu ini untuk dijadikan pakaian. Kulit kayu yang besar dan panjang diproses dengan teliti sehingga lembut dan halus hampir merupai kain. Ini dijadikan cawat untuk orang lelaki dan kain untuk wanita.

Pada zaman ini selain daripada digunakan untuk membuat tali kulit tekalung yang dinamakan temeran ini, banyak digunakan dalam penghasilan kraf tangan. Di Kampung Tang Itung, Lawas misalnya, beberapa penduduk daripada suku kaum Lun Bawang, membuat topi dan beberapa jenis hasil kraf tangan khas daripada kulit kayu ini.



Topi yang dihasilkan ini amat halus buatannya. Kulit kayu itu dipotong mengikut bentuk topi kemudian dijahit menggunakan mesin jahit khas. Bahagian dalam nya dilapik dengan kain lembut. Topi ini di kemudian digilap dengan varnis supaya kelihatan lebih kemas dan cantik. Sekali pandang topi ini kelihatan seperti diperbuat daripada belulang. Satu lagi hasil kraf tangan yang menarik yang diperbuat daripada kulit kayu ini ialah sejenis jaket tradisional yang biasanya digunakan oleh masyarakat peribumi. Jaket ini juga halus buatannya, lembut seolah-olah diperbuat daripada kain yang biasanya digunakan untuk membuat seluar jean. Bahagian dalam jaket ini juga dilapiki kain supaya jaket ini lebih tahan dan lebih selesa apabila dipakai. Dalam masyarakat Lun Bawang jaket ini biasanya



digunakan pada waktu perayaan tertentu. Hiasan tambahan atau ukiran dan lilitan tepi atau warna yang digunakan bergantung pada kreativiti pembuatnya. Saiz jaket ini juga berbeza-beza dan ada juga yang dibuat untuk kanak-kanak. Jaket ini khas untuk orang lelaki saja kerana kaum wanita ada bentuk pakaian tradisional mereka sendiri.



Ketua Kampung Tang Itung (tengah) dengan dua orang tetamunya menggunakan topi dan jaket yang diperbuat daripada kulit kayu *talun*.

Pada zaman sekarang ini di antara hasil kraf tangan yang amat diminati ialah tikar yang diperbuat daripada kulit kayu ini. Tikar ini banyak dijual di kedai penjual antik dan hasil kraf tangan dan orang yang membelinya bukan saja rakyat tempatan, malah rakan-rakan kita dari Semenanjung dan pelancong luar negara. Tikar ini dinamakan *bidai* atau *idas* dalam bahasa Iban atau *kasah* dalam bahasa Bidayuh. Saiznya pelbagai namun yang biasa digunakan ialah berukuran tujuh kaki panjang dan lima kaki lebar. Tikar yang diperbuat daripada kulit kayu ini dianyam berselang seli dengan rotan. Ini adalah supaya ia lebih tahan dan lebih keras dan senang dibersihkan.

Orang peribumi pada zaman dahulu menggunakan tikar ini untuk menjemur padi, dan dihamparkan di ruai rumah panjang untuk *pengabang* atau tetamu duduk semasa gawai. Namun sekarang tikar ini banyak digunakan untuk menghiasi ruang tamu di rumah-rumah yang terletak di bandar. Tikar ini bukan saja cantik dipandang apabila diletakan di ruang tamu tetapi boleh melindungi tapak kaki daripada menyentuh secara

langsung lantai simen atau jubin yang kadang-kadang berasa sejuk.



Banyak lagi kegunaan kulit kayu ini dalam kehidupan harian masyarakat peribumi di Sarawak, dan untuk mengambil atau memproses kulit kayu ini supaya dapat digunakan tidaklah begitu rumit. Pokok yang sebesar betis atau sebesar paha ditebang dan kulitnya dikupas, namun sebelum kulit itu dapat dikupas batang pokok yang sudah ditebang dan dipotong itu hendaklah diketuk atau dipalu perlahan-lahan terlebih dahulu. Batang pokok ini boleh juga didiang perlahan-lahan dengan api supaya kulit mudah dipisahkan daripada isi atau batang kayu tersebut. Sesudah itu barulah kulit itu dipotong atau dibelah memanjang sampai ke hujung kayu. Setelah dibelah barulah kulit dapat dipisahkan. Kulit kayu yang telah dipisahkan itu tidak semuanya boleh digunakan. Bahagian luar kulit yang kasar dibuang dan yang di sebelah dalam itu yang baik dan diambil untuk pelbagai kegunaan. Kulit bahagian ini dipalu atau tekan perlahan-lahan dengan mesin supaya menjadi lembut. Kemudian barulah dijemur sehingga kering. Kulit yang sudah kering itu dibelah atau dipotong mengikut saiz yang diperlukan.



Kulit dipisahkan daripada isi kayu



Batang kayu tekalung



Batang kayu dipalu perlahan-lahan



Kulit bahagian luar dan dalam dipisahkan



Kulit yang baik di sebelah atas



Kulit diproses supaya lebih lembut

Ilmu tradisional peribumi di Sarawak telah mengenal pasti banyak kegunaan kulit kayu telakung ini dalam kehidupan sehari-hari mereka dan yang dihuraikan di atas itu merupakan sebilangan kecil daripada nya. Kalau-lah ada kajian empirikal dibuat ke atas kulit ini oleh para sarjana atau pengkaji pada masa-masa akan datang, mungkin banyak lagi bahan keperluan harian kita boleh dihasilkan. Manusia terutama pertubuhan bukan kerajaan risau tentang penggunaan bahan plastik yang berlebihan yang tidak mesra alam dan tak mudah terbiodegradasikan namun kalau kulit ini boleh diproses secara saintifik mungkin ia dapat dijadikan sebagai pengganti sebahagian dari bahan yang tidak mesra alam. Seperti yang telah diterangkan di bahagian awal pokok ini mudah tumbuh dan cepat membesar, maka boleh ditanam secara komersial.